

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Bagaimana Gereja Sedang Membantu di Eropah Timur

Bekalan bantuan — termasuk beg tidur, katil bayi dan khemah — sedang dihantar kepada agensi kerajaan tempatan, Bulan Sabit Merah dan NGO lain

Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir mengeluarkan kenyataan berikut mengenai krisis kemanusiaan di Eropah Timur:

Ramai yang bertanya bagaimana Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah membantu dengan krisis kemanusiaan yang berkembang akibat konflik bersenjata semasa. Sejak awal, Gereja mula menghubungi rakan-rakan dan organisasi yang bekerjasama di rantau ini untuk menilai keperluan dan membeli makanan serta keperluan lain.

Melalui pengalaman berdekad dalam memberikan bantuan semasa bencana alam, krisis pelarian dan krisis kemanusiaan yang lain, kami telah membangunkan model yang telah diuji dan terbukti berkesan untuk mengenal pasti keperluan dan menyediakan bantuan. Model ini termasuk memberi kuasa kepada pemimpin tempatan untuk menggunakan sumber kewangan Gereja untuk membeli barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi tempatan untuk menyediakan apa yang benar-benar diperlukan.

Mengikuti pola ini, Presidensi Kawasan Eropah sedang bekerjasama dengan pasukan ibu pejabat Gereja untuk mengenal pasti dan menangani keperluan. Bekalan bantuan — termasuk beg tidur, katil bayi dan khemah — sedang dihantar kepada agensi kerajaan tempatan, Bulan Sabit Merah dan NGO lain yang membantu pelarian Ukraine yang tiba di negara sempadan. Bantuan tambahan sedang diaturkan. Para ahli gereja dan rakan-rakan juga telah dijemput untuk berpuasa dan berdoa bagi mereka yang sangat terkesan. Lebih banyak lagi akan dikongsikan tentang usaha mereka dalam beberapa hari dan minggu akan datang.

Para ahli Gereja di seluruh dunia tertanya tentang cara untuk membantu atau menyumbang. Kami menjemput mereka untuk berbuat demikian melalui Tabung Bantuan Kemanusiaan Gereja, yang akan digunakan untuk menangani krisis ini dan krisis lain.

Kenyataan Presidensi Utama mengenai Konflik Bersenjata

https://news-my.churchofjesuschrist.org/multimedia/file/First-Presidency-Statement-on-Armed-Conflict_MALAY.pdf